

Canberra tetap bantu Hanoi dari disisih

CANBERRA, Khamis — Perdana Menteri, Bob Hawke menegaskan sekali lagi bahawa Australia akan terus berusaha untuk membantu Vietnam dari terasing walaupun terdapat pertikaian mengenai isu itu antara Australia dengan Asean.

Berucap dalam satu sidang akhbar sebelum bertolak ke Thailand, Indonesia dan menghadiri sidang kemuncak Komanwel, Hawke berkata, Australia akan berusaha membentuk "satu dialog membangun dengan Vietnam".

Usaha Australia ini telah menyebabkan negara itu enggan menaja usul ketetapan yang dicadangkan oleh Asean di Bangsa-Bangsa Bersatu yang menggesa Vietnam berundur dari Kampuchea.

Hawke juga enggan mengiktiraf gabungan Demokratik Kampuchea yang di-

sertai oleh Khmer Rouge. Perdana Menteri Australia itu menisfatkan Khmer Rouge sebagai "rejim Pol Pot yang kejam".

Demokratik Kampuchea disokong oleh Asean — Singapura, Indonesia, Filipina, Malaysia dan Thailand — kesemuanya berhubung rapat dengan Australia.

Singapura, terutamanya, telah mengkritik dengan keras pendirian Australia mengenai masalah Kampuchea itu.

Hawke berkata, beliau akan menyatakan pendirian Australia kepada kerajaan Thailand dan Indonesia dalam lawatannya itu.

Katanya, beliau juga akan membincangkan perkara itu dengan para pemimpin Malaysia dan Singapura di sidang kemuncak Komanwel yang bermula 23 November ini.

"Kami tidak mahu membiarkan Vietnam menjadi negara terasing dan hanya bergan-

tung kepada Russia," katanya. "Kami mahu Vietnam mencampuri masyarakat antarabangsa.

"Ia mungkin menimbulkan kesusahan, tetapi ia boleh dilakukan," jelasnya.

Hawke berkata, beliau diberi jaminan oleh Duta Amerika Syarikat, Robert Nesen bahawa negara itu tidak menerima pertikaian antara Australia dengan Asean seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar Australia. Laporan-laporan itu dinafikan oleh Kedutaan Amerika.

Hawke memberi jaminan kepada negara-negara Asean bahawa Australia tidak akan mengeneipkan kepentingan Asean dalam usaha untuk mengadakan dialog dengan Vietnam.

"Kami tidak akan merosakkan hubungan dengan Asean semata-mata untuk berbuat sesuatu dengan Vietnam," ujarnya. — AP.